

China sokong cadangan tubuh Dana Kewangan Asia Timur

UM 24 NOV 1999

PUTRAJAYA 23 Nov. — China menyokong cadangan Malaysia untuk menubuhkan Dana Kewangan Asia Timur bagi membantu negara-negara di rantau ini mengatasi masalah kewangan, kata Perdana Menteri China, Zhu Rongji hari ini.

Katanya, beliau “amat menyokong” cadangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, mengenai penubuhan dana tersebut yang dicadangkan pada bulan lalu.

“Bagaimanapun keputusan akhir masih bergantung kepada hasil rundingan yang teliti serta pertukaran pendapat di kalangan pihak-pihak yang terlibat,” katanya pada sidang akhbar bersama Dr. Mahathir pagi ini.

Terdahulu, Zhu mengadakan perbincangan buat kali kelima dengan Dr. Mahathir sejak Perdana Menteri China itu tiba di negara ini petang semalam.

Zhu dalam rangka lawatan empat hari ke negara ini sebelum berlepas ke Manila bagi menghadiri sidang ke-

muncak tidak rasmi ASEAN pada hujung minggu ini.

Dr. Mahathir pertama kali membuat cadangan mengenai perlunya ditubuhkan dana serantau itu pada persidangan Asia Timur Forum Ekonomi Dunia di Singapura pada bulan lalu.

Menurut Zhu, beliau yakin hubungan antara Kuala Lumpur dan Beijing kian kukuh menjelang alaf baru.

“Antara China dan Malaysia, tidak ada isu ‘serius’ atau ‘tertekan’ yang tidak boleh diatasi melalui rundingan,” tegasnya.

Zhu yang tiba semalam bersama rombongan seramai 107 orang pegawai termasuk tiga menteri gembira dengan sambutan dan layanan yang diberi oleh pemimpin negara dan rakyat Malaysia.

Sementara itu, dalam sidang akhbar berasingan, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, kedua-dua pemimpin negara bersetuju mengenai perlunya diwujudkan satu kod tata cara dalam menyelesaikan isu pertikaian Kepulauan

Spratly di Lautan China Selatan.

Kepulauan yang diperkaya dengan hasil semula jadi, khususnya minyak, dituntut oleh beberapa negara anggota ASEAN dan China serta Taiwan.

“Semua pihak setuju mengenai kod itu, tetapi peraturan-peraturan terperinci perlu digariskan.

Peraturan

“Bagaimanapun ia tidaklah perlu digubal secara tergesa-gesa,” katanya.

Mengulas perkara yang sama, Ketua Pengarah Informasi Kementerian Luar China, Zhu Bangzao dalam satu sidang akhbar di Kuala Lumpur menjelaskan, tidak ada sebarang perjanjian dicapai berhubung dengan kod tata cara Laut China Selatan itu.

Bagaimanapun kata beliau, perbincangan tersebut akan diteruskan di kalangan negara-negara ASEAN, yang turut membuat tuntutan ke atas kepulauan itu.

Di samping menyifatkan kod itu sebagai dokumen penting bagi China dan ASEAN, Bangzao berkata, ia “patut diwujudkan dengan diberi penelitian dan pengkajian secara terperinci demi kepentingan semua pihak terlibat.”

“Buat masa ini, antara China dan ASEAN, dan di antara ASEAN sendiri, perjanjian belum dicapai berhubung dokumen tersebut,” kata Bangzao.

Oleh itu, katanya, China berharap mesyuarat 10 campur satu (ASEAN dan China) akan dapat membincang dengan teliti perkara itu.

Cadangan kod itu dijangka menjadi antara perkara penting dalam agenda mesyuarat pada sidang kemuncak tidak rasmi ASEAN di Manila pada Ahad ini.

Negara penganjur, Filipina berharap ia dapat kod tata cara itu akan diterima semasa sidang kemuncak yang akan diturut disertai oleh Perdana Menteri Jepun, Keizo Obuchi dan Presiden Korea Selatan, Kim Dae-jung.